

**PANDUAN KEPADA CALON YANG MENGHADIRI TEMU DUGA
DI SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PENDIDIKAN, BLOK F9,
KOMPLEKS F, PRESINT 1, PUTRAJAYA**

1. Calon temu duga tidak digalakkan membawa bersama ahli keluarga untuk urusan temu duga. Hanya calon temu duga sahaja dibenarkan masuk ke Blok F9 bagi urusan temu duga. Walau bagaimanapun, ahli keluarga hanya dibenarkan menunggu di kawasan kafeteria di Blok F8.
2. Calon temu duga hanya dibenarkan untuk memasuki kawasan bilik temu duga di Blok F9 dalam masa 30 minit sebelum waktu temu duga dijalankan. Calon yang tiba lebih awal tidak akan dibenarkan masuk sebelum tiba waktu yang ditetapkan. Waktu temu duga boleh disemak pada slip/surat panggilan temu duga.
3. Calon temu duga hanya dibenarkan meletakkan kenderaan di kawasan parkir pelawat di Blok F8 sahaja.
4. Calon temu duga perlu membawa dokumen (asal dan salinan) seperti yang dinyatakan dalam senarai semak. Kemudahan mesin fotostat tidak disediakan.
5. Calon dikehendaki memakai pakaian yang bersesuaian mengikut etika berpakaian bagi menghadiri temu duga. Calon yang memakai pakaian yang kurang sopan dan tidak sesuai tidak akan dibenarkan memasuki bilik temu duga.
6. Calon temu duga hanya dibenarkan berada di kawasan sekitar Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan, Blok F9, Kompleks F atau di lokasi lain yang dinyatakan sebagai lokasi temu duga. Walau bagaimanapun, calon dibenarkan untuk ke kafeteria yang terletak di Blok F8, Kompleks F.
7. Calon temu duga perlu sentiasa mematuhi peraturan keselamatan yang sedang berkuat kuasa di kawasan Kompleks F.
8. Kegagalan calon temu duga mematuhi peraturan yang sedang berkuat kuasa serta mengemukakan maklumat palsu boleh menjejaskan urusan temu duga.